

14/05/1997

Janji tempat di syurga satu rasuah agama

KERAJAAN memandang serius dakwaan wujudnya rasuah dalam bentuk agama seperti dilakukan oleh Pas untuk memenangi hati umat Islam di Kelantan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, janji pemimpin Pas bahawa mereka boleh menjamin tempat di syurga jika memilih parti itu, tidak sepatutnya berlaku kerana ia menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar.

Beliau yang bersetuju perbuatan menjanjikan seseorang itu ke syurga sebagai satu bentuk rasuah berkata, ramai umat Islam tidak mendalami ajaran agama dan keadaan itu memudahkan mereka tertipu.

"Memang pun bila kita janji untuk memberi sesuatu kepada seseorang melalui kuasa yang ada kepada kita, ini adalah satu jenis rasuah.

"Tapi, orang ini membuat janji, menganggap dirinya sebagai berkuasa dalam menentukan siapa yang akan ke syurga. Barangkali dia pendaftar. Yang kita tahu orang yang pergi ke sana tak balik untuk bercerita.

"Orang seperti ini menyamar sebagai orang yang ada kuasa, tapi sebenarnya tak ada kuasa. Keadaan ini amat menyedihkan," katanya ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Ibrahim Ali di Dewan Negara, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, beliau sedar ramai orang percaya dengan janji seperti itu, sama seperti orang menyamar kononnya jika memberi duit, boleh dapat kelulusan projek daripada Perdana Menteri.

Beliau berkata, mereka yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam dan al-Quran tidak akan melakukan perbuatan itu.

"Sepatutnya kita percaya kepada ajaran yang benar.

Tapi, orang ini menggunakan kepercayaan kita itu untuk pesongkan kepercayaan orang lain supaya orang percaya dia ini pendaftar syurga dan neraka, yang mana dia bukan," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan tidak bercadang memaksa semua pemimpin kerajaan membuat pengisytiharan wajib terhadap harta mereka.

"Ketika ini pengisytiharan harta berjalan licin. Semua yang terbabit membuat pengisytiharan seperti ditetapkan oleh Suruhanjaya Sumpah.

"Dengan itu, saya berpuas hati bahawa mereka membuat pengisytiharan yang benar. Kalau didapati tidak tepat, tindakan akan diambil terhadap mereka," katanya.

(END)